

Rawatan resdung cara tuju, aura

Berita Minggu

28/03/2010

Teknik mengeluarkan lendir daripada hidung pesakit

MIS 8 17



Kami mengamalkan pengubatan cara aura iaitu bacaan ayat suci al-Quran, doa dan zikir tertentu, menggunakan campuran alat moden (masas) dan bagi kes berat kami gunakan kaedah tuju/aura"

Mohd Bazri Che Harun
Pengamal perubatan alternatif

Fakta

Simptom sinusitis

- Rasa sakit di sekitar pipi dan bahagian atas gigi yang biasanya disebabkan jangkitan pada maxillary sinus.
- Sakit di bahagian dahi, di atas kening yang berkemungkinan disebabkan jangkitan dan keradangan di bahagian frontal sinus.
- Sakit di bahagian belakang mata, di atas kepala yang disebabkan jangkitan pada bahagian sphenoid sinus.
- Sakit di sekitar atau belakang mata disebabkan jangkitan pada bahagian ethmoid sinus.
- Rasa sakit dan tekanan pada bahagian muka, diikuti dengan keadaan hidung yang sentiasa berair adalah simptom paling utama bagi penyakit sinusitis.
- Pening kepala.
- Hidung tersumbat.
- Banyak lendir dalam hidung dan tekak yang berwarna kuning pekat atau kehijauan.
- Sakit tekak yang berpanjangan dan berulang.
- Demam atau rasa tidak sedap badan.
- Berlaku gejala alahan hidung seperti bersin, gatal hidung dan sebagainya.
- Kurang deria rasa atau bau.
- Kelesuan.

Rawatan konvensional:

Berdasarkan gejala pesakit dan hasil diagnosis, rawatan bersesuaian akan disyorkan.

- Antibiotik (10 hingga 14 hari bagi resdung akut)
- Ubat selesema
- Dekongestan; ubat titis atau semburan hidung
- Pembedahan pilihan terakhir sekiranya sinus tidak dapat disembuhkan dengan ubat-ubatan.

SINUSITIS atau lebih dikenali sebagai penyakit resdung di kalangan masyarakat Melayu adalah sejenis alahan yang dialami oleh hampir semua individu. Apa yang membezakannya ialah tahap serius atau tidak alahan berkenaan.

Sinus adalah rongga di dalam tulang muka yang bersambung ke hidung melalui saluran sangat kecil. Ia terletak pada bahagian muka iaitu di antara dua mata, pipi di bawah mata, sedikit di bahagian hidung dan dahi.

Pengamal perubatan alternatif, Mohd Bazri Che Harun, berkata sinus terbahagi empat iaitu sinus frontal, sinus maksila, sinus etmoid dan sinus sfenoid.

"Bagi mengenal pasti individu yang mengalami resdung, antara tandanya ialah bersin setiap kali bangun pagi tidak kurang lima kali, menghabiskan waktu lama di bilik air kerana melayan kerenah hidung, badan tidak bermaya, rasa seperti demam, sakit kepala dan berat di bahagian muka," katanya yang mengubati pesakit menggunakan teknik mengeluarkan lendir dari hidung pesakit.

"Selain simptom di atas, pesakit juga mengalami gatal hidung, berair hidung, nafas berbau, jerawat, pening kepala, alahan makanan laut, kelemumur, rambut gugur, gatal muka, menanah dan telinga berair," katanya.

Perubatan yang diamalkan beliau adalah hasil gabungan dua jenis ilmu, iaitu

warisan turun temurun dan ilmu moden (Masas) yang diterokai doktor dan saintis. Proses pengobatannya juga dipercayai lebih mujarab dan berkesan dilakukan pada waktu pagi atau malam.

Katanya, setiap pesakit yang datang akan diperiksa dan diselidik simptom awal yang dialami selama resdung mengganggu aktiviti seharian pesakit.

Beliau menggunakan serbuk resdung yang biasa digunakan qari dan qariah untuk mengeluarkan lendir mahupun membesarkan rongga. Ia akan disapu di tiga tempat utama iaitu di antara dua kening, pipi di bawah mata, hidung dan dahi. Kemudian campuran air zamzam disembur ke wajah supaya tidak meleceh ketika pengamal mula mengurut bahagian tadi perlahan-lahan menghala ke bawah.

Sekiranya pesakit punya simptom sering bersin, maka lendir ini akan mudah keluar. Ada tiga tahap lendir yang keluar iaitu putih seperti ais (normal) - bermakna boleh dirawat



Bazri menunjukkan bahagian sinus.

menggunakan ubat biasa, kekuningan (perlu makan ubat gred berbeza) dan kehijauan (menggunakan ubat-ubatan yang lebih kuat dan serius).

"Kami mengamalkan pengubatan cara aura iaitu bacaan ayat suci al-Quran, doa dan zikir tertentu yang ada kaitan dengan mata, menggunakan campuran alat moden (masas) dan bagi kes yang berat dan kritikal kami

menggunakan kaedah tuju/aura (dengan cara solat hajat dan berdoa atas nama pesakit dalam tempoh masa tertentu atau tiga hingga tujuh hari berturut-turut," katanya.

Beliau ketika ini melanjutkan pengajian peringkat sarjana dalam bidang al-Quran dan hadis di Universiti Malaya.

Pusat perubatan yang beroperasi sejak 2003 itu juga memilih ubat daripada bahan asli, tiada campuran bahan kimia dan terjamin kesuciannya.


Antara bahan tradisional seperti campuran air zamzam, air mutiara, herba dan bebas daripada bahan pengawet dan kimia.

Kata Basri, resdung tidak mengira umur, malah boleh dialami kanak-kanak.

Sinusitis tidak berjangkit serta tidak diwarisi daripada ayah atau ibu kepada anak. Bagaimanapun, masalah alahan atau asma boleh diwarisi secara genetik dan membawa kepada resdung apabila ia tidak dirawat dengan betul.

Kebanyakan pesakit yang berkunjung ke pusat





Gejala bersin dan sakit kepala adalah simptom biasa penyakit sinusitis.

Fakta perubatan menunjukkan 80 peratus daripada penghidap asma berpotensi menghidap sinusitis.

Bagi penghidap penyakit itu, walaupun sudah pulih sama ada menerusi pengambilan antibiotik atau pembedahan, mahupun pernah melalui pengubatan alternatif, mereka masih berisiko untuk mendapat jangkitan semula pada masa akan datang; bergantung kepada tahap imunisasi badan dan disiplin dalam diet masing-masing.

Ubatan yang digunakan untuk rawatan resdung.




perubatan berkenaan tidak menafikan pernah menjalani rawatan konvensional termasuk pembedahan endoskopi, perubatan tradisional lain seperti menggunakan asap dan pelbagai lagi.

Kebanyakan pesakit selesa memilih rawatan alternatif ini kerana ia tidak mendatangkan risiko kerana pengubat hanya memasukkan serbuk ke dalam hidung membuatkan pesakit bersin sebelum mengeluarkan lendir.

"Kecuali bagi pesakit yang terlalu kerap menggosok hidung, mungkin lendir yang keluar akan bercampur dengan sedikit darah akibat melecet," katanya yang berpegang pada moto Berikhtiar, Berdoa dan Bertawakal.

Beliau berkata, pusat rawatan alternatifnya lebih menumpukan kepada kaedah rawatan dan selebihnya terserah kepada pesakit untuk menjaga kesihatan.

Perkara pantang paling utama ialah bagi kebanyakan pesakit beliau ialah mengelakkan pengambilan makanan laut seperti udang dan produk daripadanya seperti belacan. Bagaimanapun, setiap pesakit mempunyai alahan tersendiri iaitu sama ada pada sotong, ketam atau kerang.



Sejenis cecair disapu dalam hidung.



Wajah pesakit disembur air zamzam.



Wajah pesakit kemudian diurut menghala ke bawah.



Urutan dilakukan sehingga pesakit mula bersin akibat kesan ubat.



Selepas berhenti bersin, lendir mula keluar.